KALENDAR PERISTIWA
Oktober – Disember 2013

7 Oktober

Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang menerbitkan Laporan Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang 2013 yang menumpukan pada inisiatif untuk mengatasi kekangan terhadap pengendalian kewangan Islam secara cekap, yang berkemungkinan masih wujud dalam undang-undang tertentu. Jawatankuasa ini antara lain menyarankan penggunaan struktur produk berlandaskan Syariah yang inovatif dan diterima secara meluas pada peringkat global untuk pasaran kewangan Islam menerusi pindaan yang bersesuaian kepada Akta Syarikat 1965. Langkah ini supaya transaksi murabahah komoditi bercagaran boleh dijalankan dengan lebih cekap.

10 Oktober

Bank menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Central Bank of the United Arab Emirates dalam satu acara berasingan semasa Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia di Washington D.C. MoU ini menyediakan rangka kerja pengukuhan kerjasama dua hala dengan Central Bank of the United Arab Emirates bagi mewujudkan hubungan perkhidmatan kewangan yang lebih erat antara kedua-dua negara, termasuk dalam bidang kewangan Islam, untuk menyokong dan membantu jalinan hubungan kewangan dan ekonomi yang lebih kukuh antara Malaysia dengan Emiriah Arab Bersatu.

20 Oktober

Dalam Ucapan Pembukaan beliau pada Persidangan Ulang Tahun SEACEN Ke-30, yang bertemakan “Integrasi Kewangan dan Kestabilan Kewangan yang Lebih Luas”, Gabenor Dr Zeti menyatakan bahawa ekonomi SEACEN dan Asia telah melalui proses pelarasan struktur yang nyata dan reformasi kewangan yang meluas dalam dekad ini. Perdagangan antara rantau dan aktiviti pelaburan telah menjadi lebih giat. Meskipun terdapat pergolakan dalam pasaran kewangan global, liberalisasi sektor kewangan domestik secara berperingkat terus menyokong rantau ini, dengan pengantaraan yang lebih baik bagi aliran kewangan yang tidak menentu dan penampan kewangan institusi kewangan yang lebih teguh. Beliau menambah bahawa kemajuan yang besar juga dicapai dalam usaha memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna serta menggalakkan rangkuman kewangan dan meningkatkan disiplin pasaran.

Pada persidangan tersebut, Gabenor Dr Zeti juga melancarkan *SEACEN Financial Stability Journal* (Jurnal). Menurut beliau, dalam persekitaran pengurusan kestabilan kewangan yang amat kompleks dan sentiasa berubah, Jurnal ini boleh menyumbangkan idea, perspektif dan kefahaman lantas dapat mengumpulkan hasil daripada dialog dan perbincangan intelektual mengenai isu kestabilan kewangan.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia dan Bank of Korea bersama-sama mengumumkan pengaturan swap mata wang tempatan dua hala yang berjumlah sehingga KRW5 trilion atau MYR15 bilion untuk syarikat dari kedua-dua negara agar dapat menambah fleksibiliti penggunaan mata wang tempatan untuk aktiviti penjelasan perdagangan dan pelaburan dua hala. Pengaturan ini akan berkuat kuasa selama tiga tahun, dan boleh dilanjutkan menerusi persetujuan bersama kedua-dua bank pusat ini.

21 Oktober

Dalam Ucapan Pembukaannya pada Majlis Makan Malam Persidangan SEACEN-CEMLA Ke-3 mengenai "Paradigma Baharu dalam Perbankan Pusat", Gabenor Dr. Zeti menyatakan bahawa persekitaran ekonomi global kini lebih bersepadu dengan perhatian yang lebih banyak dijuruskan kepada peranan bank pusat dalam persekitaran tersebut. Beliau menambah bahawa bank-bank pusat SEACEN-CEMLA boleh mempertingkatkan peranan potensi mereka dalam proses pertumbuhan ekonomi global secara keseluruhannya menerusi dasar yang menyokong pertumbuhan mampan. Melangkaui pengurusan ekonomi makro dan usaha menggalakkan kestabilan kewangan, bank-bank pusat dapat memberikan sumbangan bermakna dalam usaha meningkatkan potensi ekonomi melalui pembangunan sektor kewangan dan sokongan terhadap agenda rangkuman kewangan. Beliau turut menekankan akan pentingnya langkah membuka ruang untuk saling meningkatkan dan mendalami pengajaran yang diperoleh daripada pengalaman masing-masing.

7 November

Bank memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.0% pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) yang keenam pada tahun 2013. Menurut penilaian MPC, ekonomi global terus mencatat pertumbuhan yang sederhana tetapi risiko yang ketara masih lagi wujud. MPC menambah bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia disokong oleh peningkatan eksport, dan aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta terus menyokong permintaan dalam negeri dalam keadaan perbelanjaan sektor awam yang lebih perlahan. Jawatankuasa ini akan terus membuat penilaian yang teliti terhadap perkembangan ekonomi dan kewangan global dan dalam negeri serta implikasinya ke atas keseluruhan prospek inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Jawatankuasa ini juga meluluskan jadual mesyuarat MPC bagi tahun 2014.

8 November

Bank mengumumkan pelantikan ahli-ahli baharu Majlis Penasihat Syariah (Shariah Advisory Council, SAC) untuk tempoh tiga tahun, berkuat kuasa 1 November 2013. Sebagai badan berkuasa tertinggi dalam penentuan perkara-perkara Syariah dalam kewangan Islam, SAC memainkan peranan penting untuk memastikan kemurnian resolusi Syariah yang menjadi sumber rujukan institusi kewangan Islam serta mahkamah dan penimbang tara. SAC dianggotai individu yang berkelayakan dan terkemuka dari kalangan ulama Syariah, ahli undang-undang dan pengamal pasaran, yang berpengalaman luas dalam bidang perbankan, kewangan, ekonomi, undang-undang dan aplikasi Syariah, khususnya dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.

12 November

Bank mengumumkan pelantikan semula Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus sebagai Timbalan Gabenor untuk tempoh tiga tahun mulai 16 November 2013. Datuk Nor Shamsiah telah menyandang jawatan Timbalan Gabenor sejak 16 November 2010. Datuk Nor Shamsiah akan terus bertanggungjawab terhadap penyeliaan perbankan insurans dan takaful, perisikan kewangan dan penguatkuasaan, pengurusan tenaga mahir, kewangan dan perkhidmatan sokongan serta Pejabat-pejabat Wilayah dan BNMLINK Bank Negara Malaysia.

15 November

Pada sidang akhbar KDNK Suku Ketiga 2013, Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih kukuh pada 5.0%. Permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan dan meningkat sebanyak 8.3% manakala eksport pulih dan berkembang sebanyak 1.7%. Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi bertambah baik pada suku ketiga. Kadar inflasi lebih tinggi pada 2.2% pada suku ketiga, terutamanya hasil daripada inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan* dan *makanan dan minuman bukan alkohol.*

Bank turut menyatakan bahawa sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan pada suku ketiga, meskipun turun naik dalam pasaran kewangan global dan domestik semakin ketara. Pengantaraan kewangan domestik terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang teguh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berkekalan terhadap sistem kewangan.

Melangkah ke hadapan, ekonomi dijangka meneruskan trend pertumbuhan yang stabil, disokong pemulihan yang beransur-ansur dalam sektor luaran manakala permintaan swasta dijangka terus menyokong pertumbuhan dalam keadaan konsolidasi sektor awam yang berterusan.

18 November

Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merasmikan pejabat perwakilan Bank di Beijing. Ini merupakan pejabat perwakilan Bank yang ketiga bagi memperlengkap pejabat perwakilan Bank di London dan New York. Turut hadir di majlis tersebut ialah Gabenor Dr. Zeti dan Dr. Zhou Xiaochuan, Gabenor People's Bank of China.

Dalam ucapan pembukaan beliau, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa pejabat perwakilan Beijing merupakan pejabat cawangan Bank di luar Malaysia yang pertama di Asia. Pembukaan pejabat ini mencerminkan kepentingan China yang semakin meningkat dalam ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa serta hubungan kewangan dan ekonomi yang sangat penting, dan sudah lama dipupuk antara Malaysia dengan China. Pejabat ini juga akan menjadi pusat utama untuk komuniti kewangan China berbincang dan berinteraksi dengan Malaysia dan mengetahui peluang yang terdapat di kedua-dua negara.

Dalam majlis yang sama, Bank turut mengumumkan langkah selanjutnya untuk menggalakkan hubungan dua hala dalam bidang perdagangan dan pelaburan, iaitu pengenalan Kemudahan Mudah Tunai Renminbi (Renminbi Liquidity Facility, RLF) kepada bank tempatan berlesen untuk memudahkan pengurusan mudah tunai renminbi yang lebih berkesan oleh institusi kewangan di Malaysia; membenarkan institusi kewangan bukan pemastautin yang layak untuk menawarkan pembiayaan perdagangan dalam ringgit melalui kerjasama dengan institusi kewangan pemastautin; dan satu MoU yang mewujudkan pengaturan cagaran merentas sempadan bagi membolehkan institusi kewangan mendapatkan kemudahan mudah tunai domestik daripada bank pusat.

Pada hari yang sama, Bank menganjurkan persidangan perangkaan kebangsaan kedua (MyStats 2013) di Sasana Kijang secara kerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia dan Institut Statistik Malaysia, yang bertemakan 'Menggalakkan Inovasi dalam Perangkaan Ekonomi dan Kewangan untuk Menyokong Penggubalan Dasar dalam Persekitaran yang Dinamik'. Persidangan ini menekankan akan pentingnya fungsi statistik dalam perancangan dan perumusan dasar negara.

27 November

Dalam Ucapan Pembukaannya dalam Siri Syarahan Bank Pembangunan Islam Bank (IDB) Mengenai Kewangan Islam yang bertemakan "Kestabilan Kewangan, Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi" di Jeddah, Gabenor Dr Zeti menekankan peranan penting IDB dalam pembangunan kewangan Islam serta menjadi inspirasi dalam memacu kemajuan dan evolusinya. Beliau juga menyatakan bahawa melalui penekanannya terhadap perkongsian risiko bagi mencapai sasaran sosioekonomi berlandaskan prinsip Syariah, hubungan kewangan Islam dengan ekonomi benar telah dapat diperkukuh. Ini lantas menyumbang kepada keseluruhan kestabilan kewangan. Dengan ekonomi global kini pada landasan pemulihan, kewangan Islam lebih berpotensi untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif dan mampan. Oleh itu, beliau menyeru ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun khususnya untuk melaksanakan keutamaan-keutamaan bagi mengukuhkan pengawalseliaan kestabilan kewangan dengan mengambil kira ciri-ciri khusus kewangan Islam. Ini akan dapat memastikan daya tahannya yang berterusan dan potensinya untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada perjalanan sesebuah ekonomi dan untuk kesejahteraan ekonomi masyarakat.

3 Disember

Mesyuarat pertama Forum Bersama Kewangan Islam (Forum) yang diterajui oleh sektor swasta telah diadakan di Hong Kong. Forum yang diwujudkan sebagai susulan kepada perjanjian antara Hong Kong Monetary Authority (HKMA) dengan Bank Negara Malaysia (BNM) pada bulan Ogos 2013, bertujuan memperkukuh kerjasama antara Hong Kong dengan Malaysia dalam bidang kewangan Islam. Mesyuarat dihadiri perwakilan kanan daripada bank perdagangan dan syarikat pengurusan dana, dengan BNM dan HKMA sebagai fasilitator. Antara perkara penting yang dibincangkan ialah mengenal pasti bakal penerbit sukuk dan menggalakkan terbitan sukuk merentas sempadan antara Hong Kong dengan Malaysia. Peserta Forum juga bersetuju dengan pelancaran dana Islam dan penggunaan rangka kerja pengiktirafan bersama bagi dana Islam yang telah diwujudkan oleh Hong Kong dan Malaysia untuk memudahkan aktiviti kewangan Islam merentas sempadan.

5 Disember

Mesyuarat pertama Dialog Sektor Swasta Malaysia - Hong Kong Mengenai Perniagaan Renminbi Luar Pesisir (Dialog) diadakan di Kuala Lumpur. Dialog ini merupakan susulan kepada perjanjian antara Bank Negara Malaysia dengan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) pada bulan Ogos 2013 untuk mengukuhkan kerjasama antara Malaysia dengan Hong Kong dalam bidang perniagaan renminbi. Minat dan penyertaan negara-negara yang amat menggalakkan dalam Dialog ini mencerminkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia, Hong Kong dan Tanah Besar China yang semakin kukuh.

10 Disember

Gabenor Dr Zeti diiktiraf sebagai salah seorang *Global Financial Game Changes of the Year 2013* oleh CBN, iaitu kumpulan media perniagaan terkemuka di China. Pengiktirafan ini diumumkan semasa Mesyuarat dan Persidangan Kewangan Tahunan CBN 2013 di Beijing.

20 Disember

Bank Negara mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Angkatan Tentera Malaysia Ke-80. Angkatan Tentera Malaysia mula diwujudkan selepas pembentukan Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933, yang kemudiannya dikenali sebagai Angkatan Tentera Malaysia berikutan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Sejak itu, Angkatan Tentera Malaysia telah berkembang untuk menjadi Angkatan Tentera Serba Lengkap dan Canggih (Full Spectrum Force).